

**BATINIYAH-RESEMBLING DOCTRINE IN THE AHMADI RELIGION OF PEACE AND LIGHT (AROPL): AN ANALYSIS THROUGH AL-GHAZĀLĪ'S *FADĀ'IH AL-BĀṬINIYAH* FRAMEWORK**

**AJARAN MENYERUPAI BĀṬINIYAH DALAM THE AHMADI RELIGION OF PEACE AND LIGHT (AROPL): ANALISIS BERDASARKAN KERANGKA *FADĀ'IH AL-BĀṬINIYAH* AL-GHAZĀLĪ**

Muhammad Zubair Abd Halim<sup>i</sup> & Nozira Salleh<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. zubehalim@gmail.com

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia. aziera@ukm.edu.my

**Article Progress**

**Received:** 7 May 2026

**Revised:** 30 May 2026

**Accepted:** 7 June 2026

<b>Abstract</b>	<p><i>The emergence of new religious movements that claim esoteric authority and promote allegorical interpretations of revealed texts continues to challenge Islamic theological discourse. One contemporary phenomenon that has attracted scholarly attention is the Ahmadi Religion of Peace and Light (AROPL), led by Abdullah Hashem and grounded in the text <i>The Goal of the Wise</i>. Although it is often classified as a new religious movement from a sociological perspective, in-depth analysis of its internal doctrinal structure and theological implications remains limited. This study aims to evaluate the teachings of AROPL using the critical framework developed by Imam al-Ghazālī against the Bāṭiniyyah in his work <i>Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah</i>, in order to determine whether AROPL represents a continuation of esoteric doctrinal patterns in a modern form. A qualitative approach based on textual analysis and theological comparison is employed, with <i>Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah</i> serving as the analytical framework and <i>The Goal of the Wise</i> as the primary text. The analysis is conducted at both the level of general characteristics (<i>al-jumlah</i>) and detailed exposition (<i>al-tafṣīl</i>), covering the domains of <i>Ilāhiyyāt</i> (theology), <i>Nubuwwāt</i> (prophethood), <i>Imāmah</i> (leadership), <i>Ma'ād</i> (eschatology), and <i>Taklif Syar'ī</i> (legal obligation). The findings indicate that Abdullah Hashem's teachings exhibit significant structural parallels with the Bāṭiniyyah patterns critiqued by al-Ghazālī, while the differences observed are largely external and contextual. This study affirms that al-Ghazālī's critique of the Bāṭiniyyah remains relevant as a framework for analysing contemporary religious phenomena.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>al-Ghazālī, Bāṭiniyyah, Religious Movements, theological.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Kemunculan gerakan keagamaan baharu yang menampilkan dakwaan autoriti batin dan pentakwilan tersirat terhadap teks wahyu terus mencabar wacana teologi Islam. Antara fenomena kontemporari yang mendapat perhatian ialah The Ahmadi Religion of Peace and Light (AROPL) yang dipimpin oleh Abdullah Hashem dan berteraskan kitab <i>The Goal of the Wise</i>.</i></p>

	<p>Walaupun sering dilabel sebagai gerakan agama baharu dari sudut sosiologi, penelitian terhadap struktur dalaman ajaran dan implikasi teologinya masih terbatas. Kajian ini bertujuan menilai ajaran AROPL menggunakan kerangka kritikan Imam al-Ghazālī terhadap Bāṭiniyyah dalam karyanya <i>Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah</i> bagi menentukan sama ada AROPL mewakili kesinambungan pola ajaran batiniyah dalam bentuk moden ataupun tidak. Pendekatan kualitatif berasaskan analisis teks dan perbandingan teologi digunakan, dengan <i>Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah</i> sebagai kerangka analisis dan <i>The Goal of the Wise</i> sebagai teks primer. Analisis dijalankan pada peringkat ciri-ciri umum (al-jumlah) dan perincian khusus (al-tafṣīl) meliputi aspek <i>Ilāhiyyāt</i>, <i>Nubuwwāt</i>, <i>Imāmah</i>, <i>Ma'ād</i> dan <i>Taklīf Syar'ī</i>. Dapatan menunjukkan bahawa ajaran Abdullah Hashem memperlihatkan kesepadanan struktur yang signifikan dengan pola Bāṭiniyyah yang dikritik oleh al-Ghazālī, manakala perbezaan yang wujud lebih bersifat luaran dan kontekstual. Kajian ini menegaskan bahawa kritikan al-Ghazālī terhadap Bāṭiniyyah kekal relevan sebagai kerangka menilai fenomena keagamaan kontemporari.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Al-Ghazālī, Batiniyyah, Agama, Gerakan, Teologi.</p>
--	--

## PENDAHULUAN

Sejarah pemikiran Islam memperlihatkan kemunculan pelbagai aliran yang mendakwa dapat menyingkap rahsia tersembunyi di sebalik zahir ajaran agama. Antara aliran yang sering mendapat perhatian ialah Bāṭiniyyah, iaitu suatu pola pemikiran yang menundukkan wahyu, akal, dan syariat kepada autoriti tokoh tertentu yang didakwa mempunyai kedudukan khas di sisi tuhan dengan pelbagai keistimewaan seperti makṣūm dan lain sebagainya.

Aliran ini dikritik secara sistematik oleh para ulama, khususnya Imam Abū Ḥāmid al-Ghazālī melalui karyanya *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah wa Faḍā'il al-Mustazhiriyyah*. Kritikan al-Ghazālī ini bukan semata-mata menjelaskan polemik, tetapi membongkar struktur epistemologi dan implikasi teologi ajaran Batiniyyah yang menurut beliau kemuncaknya adalah merobohkan agama dari dalam (Megharbi, 2019).

Dalam konteks kontemporari, dunia Islam menyaksikan kemunculan gerakan keagamaan baharu yang menampilkan bahasa spiritualiti universal, keamanan global dan pembebasan rohani, namun pada masa yang sama membawa dakwaan autoriti esoterik yang mutlak. Antara fenomena yang menarik perhatian ialah Ahmadi Religion of Peace and Light (AROPL), gerakan yang dipimpin oleh Abdullah Hashem dan menjadikan kitab *The Goal of the Wise* sebagai teras utama ajaran mereka.

Gerakan ini menggabungkan unsur Mahdisme Syiah, sinkretisme agama-agama di dunia, takwilan Batiniyyah, serta imaginasi kosmologi moden seperti reinkarnasi dan naratif konspirasi global. Walaupun sering dipersembahkan sebagai agama baharu yang inklusif dan aman, ajaran teras AROPL menimbulkan persoalan serius dari sudut teologi Islam.

Kebanyakan kajian sedia ada terhadap AROPL lebih tertumpu pada dimensi sosiologi dan klasifikasinya sebagai new religious movement, sedangkan analisis mengenainya berasaskan kerangka pemikiran Islam klasik masih kurang diberikan perhatian serius. Bertolak daripada kelompongan ini, kajian ini menganalisis dan membandingkan ajaran Abdullah Hashem dengan ajaran Bāṭiniyyah yang dikritik oleh al-Ghazālī untuk menilai sama ada AROPL sebenarnya mewakili kesinambungan pola ajaran Batiniyyah, tetapi dalam kemasan moden.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis teks dan perbandingan teologi bagi menilai persamaan dan perbezaan antara ajaran Abdullah Hashem dalam AROPL dengan ajaran Bāṭiniyyah yang dikritik oleh al-Ghazālī dalam *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah*.

Pendekatan ini dipilih kerana objektif kajian adalah untuk memahami struktur dalaman ajaran, kerangka epistemologi serta implikasi teologinya, bukan untuk membuat penilaian kuantitatif atau keputusan hukum. Reka bentuk kajian bersifat analisis perbandingan, dengan menjadikan kerangka pemikiran al-Ghazālī sebagai asas untuk menilai pola ajaran yang menyerupai Bāṭiniyyah dalam konteks kontemporari.

Dalam kajian ini, kerangka al-Ghazālī tidak hanya digunakan sebagai rujukan isi kandungan, tetapi juga sebagai asas metodologi dalam menilai struktur ajaran yang menyerupai Bāṭiniyyah. Manhaj al-Ghazālī dalam *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah* dapat difahami melalui tiga dimensi utama, iaitu makna, lafaz dan maksud.

Dari sudut makna, al-Ghazālī menggunakan pendekatan rasional dan logik dalam membongkar asas pemikiran Bāṭiniyyah, khususnya dengan menilai kesan sesuatu doktrin terhadap konsep ketuhanan, kenabian, autoriti agama dan syariat. Oleh itu, kajian ini tidak hanya menilai label luaran AROPL sebagai gerakan agama baharu, tetapi turut meneliti struktur makna ajarannya bagi menentukan sama ada ia mempunyai kesepadanan dengan pola Bāṭiniyyah yang dikritik oleh al-Ghazālī.

Dari sudut lafaz, al-Ghazālī menampilkan perbincangan yang seimbang antara keterperincian (al-tafṣīl) dan keringkasan (al-jumlah). Beliau tidak menghuraikan seluruh variasi ajaran Bāṭiniyyah secara mutlak, sebaliknya memilih aspek-aspek utama yang mencerminkan struktur dalaman ajaran tersebut. Selaras dengan pendekatan ini, kajian ini turut memilih aspek-aspek akidah utama sebagai medan perbandingan, iaitu Ilāhiyyāt, Nubuwwāt, Imāmah, Ma'ād dan Taklīf Syar'ī.

Pemilihan ini bertujuan mengelakkan analisis yang terlalu umum, tetapi pada masa yang sama tidak terperangkap dalam perincian kecil yang tidak memberi kesan langsung terhadap rumusan teologi kajian. Dari sudut maksud pula, kritikan al-Ghazālī bertujuan membantah ajaran yang dianggap menyimpang dengan menunjukkan implikasinya terhadap asas agama.

Justeru, kajian ini tidak sekadar membandingkan persamaan istilah atau simbol antara Bāṭiniyyah dan AROPL, tetapi menilai sama ada persamaan tersebut membawa kepada implikasi teologi yang sama, khususnya dari sudut pengkhususan autoriti batin, pentakwilan ekstrem terhadap wahyu dan peminggiran syariat zahir. Dengan demikian, penggunaan kerangka al-Ghazālī dalam kajian ini bersifat metodologis dan analitis, bukan sekadar historis atau deskriptif.

Sumber kajian dibahagikan kepada dua kategori utama. Sumber primer klasik ialah *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah wa Faḍā'il al-Mustazhiriyyah* karya al-Ghazālī, yang digunakan untuk mengenal pasti ciri-ciri ajaran Bāṭiniyyah pada peringkat umum dan terperinci, khususnya dalam aspek Ilāhiyyāt, Nubuwwāt, Imāmah, Ma'ād dan Taklīf Syar'ī. Sumber primer kontemporari pula ialah *The Goal of the Wise* karya Abdullah Hashem, yang dianalisis sebagai teks autoritatif ajaran AROPL.

Di samping itu, kajian turut memanfaatkan sumber sekunder akademik bagi membekalkan konteks sejarah, perkembangan kontemporari AROPL serta perbincangan ilmiah berkaitan Bāṭiniyyah dan gerakan agama baharu. Berdasarkan kerangka tersebut, analisis dilakukan dalam tiga tahap. Tahap pertama ialah mengenal pasti ciri-ciri umum (al-jumlah) ajaran Bāṭiniyyah sebagaimana dirumuskan oleh al-Ghazālī.

Tahap kedua ialah menjalankan analisis terperinci (al-tafṣīl) dengan membandingkan aspek akidah utama antara ajaran Bāṭiniyyah dan ajaran Abdullah Hashem dalam AROPL. Tahap ketiga pula ialah membezakan antara inti ajaran dan bentuk kemunculannya dengan mengambil kira perbezaan konteks sejarah antara zaman al-Ghazālī dan dunia moden. Pendekatan ini membolehkan kajian menilai sama ada persamaan yang ditemui bersifat substantif atau sekadar luaran, serta sama ada perbezaan yang wujud benar-benar mengubah struktur ajaran atau hanya mencerminkan penyesuaian terhadap konteks semasa.

## **BIOGRAFI TOKOH UTAMA AHMADI RELIGION OF PEACE AND LIGHT (AROPL)**

Ahmadi Religion of Peace and Light (AROPL) merupakan sebuah gerakan keagamaan yang muncul pada era kontemporari dan mempunyai pengikut di beberapa negara melalui penyebaran dakwaan keagamaan di platform digital serta media sosial. Gerakan ini dikaitkan dengan dua tokoh utamanya iaitu Abdullah Hashem Aba al-Sadiq dan Ahmad al-Hassan.

### **a) Abdullah Hashem**

Abdullah Hashem dilahirkan pada 27 Julai 1983 di Indiana, Amerika Syarikat, dan dibesarkan dalam pertembungan dua budaya, Barat (ibu) dan Timur Tengah (bapa). Beliau mendapat pendidikan dalam bidang Pengajian Perbandingan Agama di Indiana University-Purdue University Indianapolis (IUPUI), yang memperkenalkannya kepada wacana agama dan tradisi spiritual pelbagai aliran. Pada masa yang sama, latar belakang ini turut membentuk kecenderungan beliau kepada pemikiran alternatif dan tidak arus perdana.

Sejak usia muda, Hashem menunjukkan minat terhadap teori konspirasi, ufologi, eskatologi akhir zaman dan fenomena paranormal, yang dizahirkan melalui penerbitan dokumentari seperti *The Arrivals* (2008). Dokumentari ini membina naratif konspiratif eskatologis melalui pencocokan simbol dan pengesahan kesimpulan sedia ada (confirmation bias), iaitu menggabungkan unsur yang tidak berkaitan secara metodologi untuk menyokong “kebenaran tersembunyi” (Yusri, 2025; Šorytė, 2025).

Pengalaman ini kemudian mempengaruhi gaya penulisan dan penyampaian ajaran AROPL, khususnya dalam *The Goal of the Wise*, yang memperlihatkan kecenderungannya dalam menyusun naratif besar, menggabungkan sumber lintas agama dan menampilkan autoriti “pengetahuan batin” (Yusri, 2025; Introvigne & Kotkowska, 2024).

### **b) Ahmad al-Hassan**

Tokoh kedua yang menjadi asas kemunculan AROPL ialah Ahmad al-Hassan, dilahirkan pada tahun 1968 di Basra, Iraq, dengan latar pendidikan kejuruteraan. Beliau mula dikenali pada penghujung 1990-an selepas mendakwa telah bertemu Imam Muhammad ibn al-Hassan al-Askari dan menerima perintah untuk tampil sebagai al-Yamānī. Dakwaan ini membawa konflik terbuka dengan institusi Syiah arus perdana di Najaf dan Qom serta mengundang tekanan terhadap pengikutnya.

Selepas tahun 2007, Ahmad al-Hassan tidak lagi muncul secara terbuka, sekali gus mewujudkan kekosongan autoriti yang menyumbang kepada perpecahan gerakan asal Ansar al-Mahdi dan membuka ruang kepada kemunculan kelompok-kelompok baharu termasuk yang kemudiannya dipimpin oleh Abdullah Hashem (Introvigne & Kotkowska, 2024; Introvigne & Šorytė, 2024; WRSP, 2024).

Dalam hubungan dengan Ahmad al-Hassan, Abdullah Hashem mendakwa dirinya sebagai murid dan pewaris spiritual, malah menyatakan bahawa beliau dilantik sebagai al-Qā'im. Namun dakwaan ini dipertikaikan secara meluas, termasuk dalam kalangan pengikut Ahmad al-Hassan, yang mempersoalkan ketiadaan bukti pertemuan fizikal antara kedua-duanya. Apa yang lebih penting, *The Goal of the Wise* sendiri merekodkan pengakuan Abdullah Hashem bahawa beliau sama sekali tidak pernah bertemu Ahmad al-Hassan sebelum tempoh kehilangan tokoh tersebut.<sup>1</sup>

Oleh itu, asas perlantikan tersebut bergantung kepada pengalaman rohani, mimpi dan naratif batin yang tidak dapat disahkan secara bebas. Walaupun kontroversi ini berterusan, Abdullah Hashem tetap berjaya membina sokongan antarabangsa melalui pembentukan sistem teologi yang lebih tersusun dan disesuaikan dengan imaginasi spiritual moden. Fenomena ini menunjukkan pembinaan autoriti AROPL lebih bergantung pada klaim karismatik dan naratif esoterik berbanding sanad keilmuan atau pengesahan institusi (Introvigne & Šorytė, 2024; WRSP, 2024; Yusri, 2025).

---

<sup>1</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 566

**THE GOAL OF THE WISE: KITAB AHMADI RELIGION OF PEACE AND LIGHT (AROPL)**

Kitab *The Goal of the Wise* menjadi teks teras AROPL dan dianggap kitab suci oleh pengikutnya. Kitab ini disusun dalam 42 bab, bermula dengan naratif tujuh perjanjian antara Tuhan dan manusia, dan diakhiri dengan bab *The Peacock Angel* yang membincangkan peranan kosmik Iblis serta pengampunannya. Kandungan kitab ini banyak dipersembahkan sebagai dialog rohani antara Abdullah Hashem dan Ahmad al-Hassan, namun pola penyampaiannya menunjukkan kebanyakan dakwaan doktrinal dan tafsiran teologi dikemukakan oleh Hashem sendiri, sementara Ahmad al-Hassan sering tampil sebagai pihak yang mengesahkan doktrinal dan tafsiran itu.

Dari sudut sumber, kitab ini memetik lebih 56 teks pelbagai agama dan tradisi, menjadikannya karya sinkretik yang kompleks. Pada 19 Mei 2025, kitab ini menerima *The Best International Book Award* dalam kategori *Religion and Spirituality* di Pesta Buku Antarabangsa Turin Itali. Hal ini menandakan pengiktirafan global terhadapnya sebagai representasi agama baharu, walaupun kandungannya terus mencetuskan pelbagai kontroversi teologi (Abdullah Hashem, 2022; Introvigne, 2025).

Secara ringkasnya, ajaran yang dibawa oleh Ahmad al-Hassan dan dikembangkan oleh Abdullah Hashem bertumpu pada beberapa idea teras iaitu penolakan autoriti ulama tradisional, penegasan bahawa kebenaran hanya difahami melalui pemimpin yang dilantik oleh tuhan, penggunaan takwil batin terhadap teks wahyu, serta dakwaan bahawa syariat zahir telah diselewengkan dan perlu digantikan dengan “perjanjian baharu”.

Ajaran ini juga menunjukkan unsur sinkretisme dengan menggabungkan tokoh dan konsep pelbagai agama dunia dalam naratif kosmik yang berpusat pada Imam Mahdi dan al-Qā’im. Intipati ajaran inilah yang seterusnya dinilai secara kritikal melalui kerangka al-Ghazālī.

**AL-GHAZĀLĪ DAN KITAB *FADĀ’IH AL-BĀṬINIYYAH***

al-Ghazālī adalah tokoh rujukan teoritikal utama kajian serta karyanya *Faḍā’ih al-Bāṭiniyyah wa Faḍā’il al-Mustazhiriyyah*. Pengenalan ini penting kerana analisis terhadap AROPL pada bahagian seterusnya berpaksikan kerangka kritikan al-Ghazālī terhadap Bāṭiniyyah, khususnya pada peringkat ciri umum (al-jumlah) dan perinciannya (al-tafṣīl). Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (450–505H / 1058–1111M) dilahirkan di Ṭūs, Khurāsān, menerima pendidikan awal dalam fiqh Syafī’i dan kemudian berguru dengan Imam al-Ḥaramayn al-Juwaynī di Naysābūr.

Beliau menguasai disiplin ilmu seperti ilmu kalam, usul fiqh, logik dan falsafah sebelum dilantik sebagai profesor utama di Madrasah Nizāmiyyah, Baghdad. Kedudukan beliau bukan hanya sarjana akademik, tetapi intelektual yang terlibat dalam mempertahankan akidah serta kestabilan politik dunia Islam Sunni (Zainal & Hasan, 2022; Az-Zoghbi, 2018).

Pada zamannya, ketegangan antara Khilafah ‘Abbasiyyah–Saljuq dengan gerakan Ismailiyyah atau Bāṭiniyyah bukan sahaja berbentuk perdebatan idea, malah melibatkan dimensi politik dan keganasan terancang, sekali gus menjadikan respons al-Ghazālī bersifat teologi dan politiko-intelektual serentak (Az-Zoghbi, 2018; Megharbi, 2019; Yakin, 2018).

*Faḍā’ih al-Bāṭiniyyah* ditulis atas permintaan Khalifah al-Mustazhir Billāh untuk membongkar penyelewengan akidah Bāṭiniyyah dan mempertahankan legitimasi kekhalifahan ‘Abbasiyyah. Al-Ghazālī menekankan bahawa beliau terlebih dahulu menghuraikan doktrin Bāṭiniyyah sebagaimana dakwaan mereka sendiri, sebelum menunjukkan kontradiksi dalaman serta implikasi yang merosakkan asas agama. Beliau juga menyatakan bahawa tidak semua perincian ajaran mereka dihuraikan kerana wujud perbezaan dalaman serta amalan taqiyyah yang menjadi ciri gerakan tersebut (Az-Zoghbi, 2018; Zainal & Hasan, 2022).

Dari sudut struktur, *Faḍā’ih al-Bāṭiniyyah* disusun secara sistematik. Ia bermula dengan identiti dan strategi dakwah Bāṭiniyyah, kemudian ciri-ciri ringkas (al-jumlah), sebelum bergerak kepada analisis terperinci (al-tafṣīl) melalui perbincangan aspek Ilāhiyyāt, Nubuwwāt, Imāmah dan Ma’ād. Al-Ghazālī akhirnya menegaskan bahawa natijah praktikal

ajaran ini ialah pengguguran taklīf syariah apabila “batin” dijadikan alasan untuk membatalkan hukum zahir.

Justeru, kitab ini bukan sekadar polemik sejarah, tetapi kerangka analisis yang membongkar pola pemikiran dan strategi dakwah ajaran Batiniyyah lintas-zaman (Hasib, 2016; Zainal & Hasan, 2022).

### **ANALISIS PERSAMAAN ANTARA AJARAN ABDULLAH HASHEM DAN AJARAN BĀṬINIYYAH MENURUT AL-GHAZĀLĪ**

Bahagian ini akan menganalisis persamaan antara ajaran yang dibawa oleh Abdullah Hashem dalam agama Ahmadi Religion of Peace and Light (AROPL) dengan ajaran Bāṭiniyyah yang telah dikritik secara sistematik oleh al-Ghazālī. Analisis ini berasaskan kerangka yang dibangunkan dalam *Faḍā’ih al-Bāṭiniyyah*, khususnya rumusan ciri-ciri umum (al-jumlah) dan perinciannya (al-tafṣīl) yang dikemukakan oleh al-Ghazālī.

Pendekatan ini berpaksikan kepada premis bahawa ajaran Bāṭiniyyah tidak terhenti sebagai fenomena sejarah abad pertengahan, tetapi terus muncul dalam bentuk dan gambaran baharu yang diperkembangkan, di mana ia menyesuaikan bahasa, simbol dan naratifnya dengan konteks zaman, tanpa mengubah inti ajarannya.

Al-Ghazālī (2001) secara jelas menegaskan bahawa Bāṭiniyyah bukan sekadar satu mazhab terpencil, tetapi satu corak pemikiran keagamaan yang mempunyai kemampuan tinggi untuk menyesuaikan diri. Mereka boleh menukar nama, slogan dan simbol, namun tetap mengekalkan struktur dalaman yang sama iaitu pengkhususan autoriti kepada tokoh tertentu, penafian peranan akal awam, dan peminggiran syariat zahir. Oleh sebab itu, al-Ghazālī tidak menumpukan kepada identiti sejarah semata-mata, tetapi membongkar manhaj dan uslūb mereka.

Dalam konteks kontemporari, AROPL mempamerkan keupayaan adaptif yang sama. Walaupun ia muncul dalam bentuk agama baharu dengan bahasa hak asasi manusia, keamanan global dan spiritualiti universal, struktur ajarannya tetap berpusat pada autoriti batin, imam maksum, dan pentakwilan ekstrem terhadap teks wahyu. Hal ini mengesahkan relevansi pendekatan al-Ghazālī untuk menilai ajaran seperti yang dibawa oleh Abdullah Hashem.

### **CIRI-CIRI UMUM (AL-JUMLAH) AJARAN BĀṬINIYYAH DAN MANIFESTASINYA DALAM AROPL**

Al-Ghazālī mengemukakan beberapa ciri ringkas yang mencukupi untuk mengenal pasti ajaran Bāṭiniyyah, walaupun tanpa meneliti semua perinciannya. Ciri-ciri ini dapat diperhatikan dengan jelas dalam ajaran Abdullah Hashem.

### **MENZAHIRKAN IDENTITI SYIAH RĀFĪDAH**

Menurut al-Ghazālī, salah satu ciri paling utama ajaran Bāṭiniyyah ialah mereka menzahirkan identiti Syiah Rāfīdah pada peringkat permulaan dakwah, sebelum memperkenalkan kepercayaan batin yang meruntuhkan asas Islam. Beliau menegaskan “Bāṭiniyyah adalah golongan yang menampakkan diri mereka sebagai Syiah, namun hakikatnya adalah kekufuran yang nyata”.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa penggunaan simbol, istilah dan tokoh Syiah sebagai pintu masuk kepada autoriti batin yang lebih ekstrem (Al-Ghazālī, 2001). Dalam konteks AROPL, pola yang sama dapat dikesan dengan jelas apabila Abdullah Hashem menampilkan ajarannya melalui penegasan kuat terhadap Ahl al-Bayt, konsep dua belas imam, Mahdi, al-Yamānī dan al-Qā’im sebagai gambaran luar ajaran.

*The Goal of the Wise* berulang kali mengaitkan kebenaran agama dengan kesetiaan kepada rangkaian dua belas imam Syiah Imamiyyah, malah mendakwa bahawa Rasulullah sendiri telah menamakan para imam tersebut secara terperinci pada malam kewafatannya, serta mengangkat kedudukan mereka melebihi para rasul terdahulu<sup>2</sup>. Penegasan identiti

<sup>2</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 115

Syiah ini turut diperluas melalui doktrin wilāyah, yang dalam kitab tersebut digambarkan bukan sekadar sebagai konsep kecintaan kepada Ahl al-Bayt, tetapi sebagai garis pemisah kosmik antara “keturunan Adam” dan “keturunan Qābil”<sup>3</sup>.

Keimanan yang sempurna pula ditakrifkan sebagai ketaatan mutlak kepada keluarga Rasulullah sehingga sanggup mengorbankan kesihatan, keluarga dan diri sendiri demi mereka<sup>4</sup>. Selain itu, *The Goal of the Wise* menormalisasikan amalan taqīyyah dengan mendakwa bahawa ia telah diamalkan sejak generasi awal manusia dan diwarisi oleh keturunan Nabi Nuh<sup>5</sup>, suatu dakwaan yang berfungsi menjustifikasikan penyembunyian kepercayaan sebenar di sebalik wajah Syiah zahir.

Pada masa yang sama, kitab ini memuji teks-teks mistik Syiah seperti *al-Haft al-Sharīf* sebagai kitab terbaik sepanjang zaman<sup>6</sup>, *The Goal of the Wise* juga mengandungi laknat kepada tokoh-tokoh agung Islam Sunni seperti Abu Bakr, ‘Umar, Mu‘āwiyah dan Hārūn al-Rashīd<sup>7</sup>, sekali gus mengukuhkan identiti Rāfiqī sebagai bingkai awal dakwah mereka.

Pola ini menunjukkan bahawa identiti Syiah yang dizahirkan berfungsi sebagai lapisan awal legitimasi, sementara kandungan batin ajaran bergerak ke arah penafian asas kenabian dan struktur akidah Islam itu sendiri. Kepercayaan ini selari dengan analisis al-Ghazālī bahawa Bāṭiniyyah menggunakan rafidah sebagai wajah zahir untuk menarik pengikut, sebelum memperkenalkan kepercayaan batin yang akhirnya membawa kepada pembatalan agama dari dalam (Al-Ghazālī, 2001).

### **PENGGHUSUSAN SUMBER ILMU KEPADA IMAM MA’ŠŪM DAN KETAATAN MUTLAK (DOKTRIN TA’LĪM)**

Menurut al-Ghazālī, antara ciri paling asas ajaran Bāṭiniyyah ialah pengkhususan sumber ilmu hakiki kepada imam ma’šūm, sehingga fungsi akal, renungan dan penelitian ilmiah tidak lagi mempunyai peranan yang bermakna. Dalam kerangka ini, kebenaran agama tidak dicapai melalui pemahaman wahyu secara rasional atau melalui proses ijtihad, tetapi melalui konsep ta’līm, iaitu penerimaan mutlak terhadap ajaran imam tanpa keperluan hujah. Al-Ghazālī mengkritik doktrin ini kerana ia menafikan tanggungjawab epistemologi manusia dan menjadikan autoriti agama tertutup serta tidak boleh dipersoalkan (Al-Ghazālī, 2001).

Pola epistemologi ini dapat dikesan dengan jelas dalam *The Goal of the Wise*. Kitab tersebut secara eksplisit mendakwa bahawa Ahmad al-Hassan merupakan satu-satunya manusia yang memiliki pengetahuan tertinggi dan telah dilantik secara langsung oleh Tuhan untuk membimbing umat manusia<sup>8</sup>. Dakwaan ini secara implisit menafikan keabsahan semua sumber ilmu lain, termasuk metodologi tafsir al-Qur’an, tradisi ijtihad para ulama, dan kemampuan akal manusia untuk memahami wahyu tanpa perantaraan imam.

Dalam struktur ini, akal tidak dihapuskan secara mutlak, tetapi direduksi kepada fungsi pasif iaitu menerima dan membenarkan apa yang disampaikan oleh imam. Daripada pengkhususan sumber ilmu inilah lahir tuntutan ketaatan mutlak kepada imam ma’šūm. Dalam ajaran Bāṭiniyyah, sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Ghazālī, imam bukan sekadar pentafsir wahyu, tetapi menjadi penentu makna, kebenaran dan kesahihan agama itu sendiri.

Ketaatan kepada imam bukan lagi pilihan rohani, tetapi syarat keimanan. Struktur ini menyebabkan wahyu, akal dan nas tunduk sepenuhnya kepada autoriti batin seorang tokoh, dan sebarang bentuk pertanyaan atau penilaian rasional dianggap sebagai penentangan terhadap kebenaran.

<sup>3</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 119

<sup>4</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 121

<sup>5</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 11, 29

<sup>6</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 179

<sup>7</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 321

<sup>8</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 680

Implikasi paling serius daripada doktrin ini terserlah apabila *The Goal of the Wise* mendakwa bahawa Ahmad al-Hassan merupakan pembawa perjanjian atau syariat baharu yang berfungsi membatalkan semua syariat sebelumnya<sup>9</sup>. Dakwaan ini menunjukkan bahawa autoriti imam bukan sahaja mengatasi akal dan ijtihad, malah melangkaui keseluruhan struktur syariat zahir.

Dalam kerangka kritikan al-Ghazālī, beliau menegaskan bahawa kesudahan bagi doktrin ta'lim adalah, apabila ilmu dihadkan kepada tokoh tertentu, maka hukum agama menjadi berubah-ubah dan tertakluk sepenuhnya kepada kehendak serta tafsiran tokoh tersebut (Al-Ghazālī, 2001).

Dengan demikian, ketaatan mutlak kepada Ahmad al-Hassan dan Abdullah Hashem dalam AROPL bukan sekadar persoalan kesetiaan rohani, tetapi merupakan satu sistem epistemologi yang menundukkan wahyu, akal dan syariat kepada autoriti batin seorang imam yang didakwa makšūm. Struktur ini sepadan sepenuhnya dengan pola Bāṭiniyyah yang dikritik oleh al-Ghazālī, di mana agama akhirnya tidak lagi berfungsi sebagai panduan objektif yang boleh dinilai, tetapi sebagai legitimasi terhadap dakwaan kebenaran mutlak seorang tokoh yang tidak boleh dipersoalkan.

### **SINKRETISME KEAGAMAAN DAN PENYESUAIAN DAKWAH DALAM AROPL**

Al-Ghazālī menegaskan bahawa antara ciri penting ajaran Bāṭiniyyah ialah sifatnya yang sangat lentur dan sinkretik, iaitu kebolehan mereka untuk meminjam serta menyesuaikan unsur kepercayaan pelbagai agama dan falsafah mengikut sasaran dakwah mereka. Dalam *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah*, beliau menjelaskan bahawa golongan ini akan bersetuju dengan Yahudi, Nasrani atau Majusi pada titik-titik tertentu bagi memudahkan proses pemujukan, tanpa komitmen sebenar kepada prinsip akidah mana-mana agama tersebut.

Oleh itu, lebih tepat untuk menggambarkan pendekatan ini sebagai penyesuaian selektif atau kompromi doktrinal, bukan sekadar penggabungan harmoni antara agama (Al-Ghazālī, 2001). Ciri yang sama dapat dikesan dengan jelas dalam *The Goal of the Wise*. Kitab ini secara terbuka mengiktiraf hampir semua tokoh pengasas agama dunia sebagai nabi atau pembawa risalah Tuhan, termasuk tokoh-tokoh yang secara tradisinya berada di luar kerangka tauhid Islam.

Antara nama yang disenaraikan ialah Buddha, Krishna, Confucius, malah tokoh-tokoh pra-Islam seperti al-Lāt dan al-'Uzzā, yang digambarkan sebagai sebahagian daripada rangkaian kenabian universal<sup>10</sup>. Pendekatan ini bukan bertujuan membina dialog antara agama, tetapi berfungsi untuk meruntuhkan sempadan teologi dan menjadikan semua tradisi keagamaan tunduk kepada satu naratif kosmik tunggal yang berpusat pada autoriti imam.

Sinkretisme ini diperkuatkan lagi melalui teori “tujuh perjanjian” yang menjadi teras kepada ajara AROPL. Menurut *The Goal of the Wise*, perjanjian keenam yang dibawa oleh Nabi Muhammad bertujuan menyatukan agama-agama Semitik, manakala perjanjian ketujuh yang dikaitkan dengan Ahmad al-Hassan dan Abdullah Hashem bertujuan menyatukan semua agama dunia di bawah satu autoriti terakhir<sup>11</sup>.

Naratif ini meletakkan syariat Islam yang dibawa oleh Rasulullah bukanlah sebagai penutup wahyu yang muktamad, tetapi sebagai salah satu fasa sementara dalam projek keagamaan global yang lebih besar, sekali gus membuka ruang untuk penyerapan dan penyesuaian unsur-unsur agama lain tanpa batasan akidah yang jelas.

Dengan demikian, sinkretisme dalam AROPL tidak bersifat dialogik atau pluralistik, tetapi merupakan strategi teologikal untuk memperluas daya tarikan dakwahnya dan mengabsahkan dakwaan autoriti imamnya sebagai pusat semua kebenaran agama. Pola ini selari sepenuhnya dengan analisis al-Ghazālī terhadap Bāṭiniyyah, dalam kenyataan beliau “Mereka (golongan Bāṭiniyyah) akan bercakap kepada setiap golongan dengan bahasa yang

<sup>9</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 125

<sup>10</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 131

<sup>11</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 138

boleh diterima oleh golongan itu”, sebelum menundukkan semua sistem kepercayaan tersebut kepada satu autoriti batin yang mutlak.

Justeru, sinkretisme yang dibawa AROPL bukanlah bertujuan untuk menyatukan agama, tetapi untuk mencairkan prinsip dan pegangan setiap agama lalu menjadikan kebenaran agama mestilah tunduk kepada kehendak imam dalam ajarannya.

### **ANALISIS TAFŞĪLIYYAH AJARAN ABDULLAH HASHEM BERDASARKAN KERANGKA AL-GHAZĀLĪ**

Bahagian ini membentangkan analisis tafşiliyyah (terperinci) terhadap ajaran Abdullah Hashem dengan menggunakan kerangka yang telah dibangunkan oleh al-Ghazālī dalam *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah*. Al-Ghazālī sendiri menegaskan bahawa walaupun ajaran Bāṭiniyyah mempunyai banyak variasi dalam perincian, keseluruhannya dapat dirangkum dalam beberapa asas akidah yang tetap. Oleh itu, beliau memilih untuk menghuraikan empat bidang utama akidah iaitu Ilāhiyyāt, Nubuwwāt, Imāmah dan Ma'ād, serta implikasi praktikalnya terhadap taklif syar'ī. Pendekatan yang sama digunakan dalam bahagian ini bagi menilai secara terperinci ajaran Abdullah Hashem di dalam AROPL.

#### **Ilāhiyyāt (Ketuhanan)**

Dalam *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah*, al-Ghazālī menjelaskan bahawa antara penyimpangan paling serius ajaran Bāṭiniyyah ialah konsep ketuhanan yang dipengaruhi oleh falsafah emanasi. Mereka memperkenalkan dua prinsip qadīm yang dikenali sebagai al-sābiq dan al-tālī, di mana al-sābiq digambarkan sebagai sumber awal yang mutlak, manakala al-tālī bertindak sebagai perantara yang melahirkan alam. Walaupun golongan ini cuba menafikan dualisme secara lafaz, al-Ghazālī menegaskan bahawa struktur ini pada hakikatnya memperbanyakkan entiti yang memegang fungsi ketuhanan, sekali gus merosakkan konsep tauhid yang murni dengan memindahkan sifat penciptaan kepada selain Allah (Al-Ghazālī, 2001).

Struktur ketuhanan yang sepadan dapat dikesan dengan jelas dalam *The Goal of the Wise*. Kitab ini berulang kali mengaitkan proses penciptaan dengan makhluk-makhluk suci, khususnya Nabi Muhammad, 'Alī, Fāṭimah dan Dua Belas Imam. Antaranya, bahawa 'Alī sendiri adalah pencipta Adam<sup>12</sup>. Selain itu, Rasulullah dan 'Alī didakwa telah diciptakan 1400 tahun sebelum Adam, sekali gus meletakkan mereka sebagai entiti kosmik pra-kewujudan manusia<sup>13</sup>. Dakwaan-dakwaan ini menunjukkan pemindahan fungsi penciptaan kepada makhluk, walaupun Tuhan Mutlak masih disebut sebagai sumber tertinggi secara zahir.

Corak emanasi ini diperincikan lagi apabila *The Goal of the Wise* menyatakan bahawa Tuhan Mutlak (al-sābiq) hanya menciptakan empat belas makhluk suci iaitu Rasulullah, Fāṭimah dan Dua Belas Imam Syiah, manakala seluruh alam semesta diciptakan melalui perantaraan mereka sebagai al-tālī<sup>14</sup>. Dalam konteks ini, penciptaan tidak lagi dikaitkan secara langsung dengan Tuhan, tetapi diagihkan secara hierarki kosmik. Bahkan, simbolisme cop mohor Rasulullah ditakwilkan dengan dua bacaan yang disamakan maknanya: “Muhammad adalah utusan Allah” dan “Allah adalah utusan Muhammad”<sup>15</sup>, satu bentuk bahasa Bāṭiniyyah yang secara implisit mengaburkan sempadan kedudukan antara Tuhan dan makhluk.

Lebih jauh lagi, *The Goal of the Wise* mengemukakan dakwaan yang lebih ekstrem dengan menyatakan bahawa Ahmad al-Hassan adalah Tuhan yang menciptakan alam kerana beliau merupakan reinkarnasi Imam al-Ḥusayn<sup>16</sup>. Abdullah Hashem sendiri turut digambarkan sebagai memiliki kuasa pencipta, apabila beliau mendakwa pernah mencipta

<sup>12</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 6

<sup>13</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 94

<sup>14</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 116

<sup>15</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 116

<sup>16</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 302

satu makhluk bernama Adloban Sim, sebagaimana 'Alī mencipta manusia, namun makhluk tersebut dimusnahkan kerana berlaku zalim<sup>17</sup>. Dakwaan-dakwaan ini menunjukkan bahawa sifat ketuhanan tidak lagi bersifat simbolik semata-mata, tetapi disandarkan secara literal kepada tokoh-tokoh tertentu.

Keseluruhan struktur perbincangan ini memperlihatkan kesepadanan yang jelas dengan kritikan al-Ghazālī terhadap Bāṭiniyyah dalam aspek Ilāhiyyāt. Walaupun tauhid masih disebut secara lafaz, fungsi-fungsi asas ketuhanan, khususnya penciptaan dan penguasaan kosmos telah dipindahkan kepada entiti selain Allah melalui bahasa Bāṭiniyyah dan kosmologi emanasi.

Dengan itu, ajaran Ilāhiyyāt dalam *The Goal of the Wise* bukan sekadar pentakwilan metaforik, tetapi satu struktur akidah yang secara asasnya meruntuhkan konsep tauhid sebagaimana yang telah dibongkar dan dikritik oleh al-Ghazālī hampir seribu tahun lebih awal.

### NUBUWWĀT (KENABIAN)

Dalam *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah*, al-Ghazālī menjelaskan bahawa antara penyimpangan asas ajaran Bāṭiniyyah ialah pentakwilan konsep kenabian sehingga meruntuhkan makna wahyu yang sebenar. Wahyu tidak lagi difahami sebagai komunikasi literal daripada Allah kepada nabi melalui perantaraan malaikat Jibril, tetapi ditakwilkan sebagai limpahan rohani (fayḍ) yang mengalir dari alam tinggi ke jiwa manusia tertentu.

Dalam kerangka ini, Jibril bukan malaikat berpersonaliti yang menyampaikan kalam Allah, sebaliknya sekadar simbol atau istilah bagi suatu proses metafizik. Al-Qur'an pula dianggap sebagai ungkapan zahir yang tidak muktamad dan belum sempurna, yang hanya memperoleh makna sebenar melalui pentakwilan imam selepas kewafatan Nabi (Al-Ghazālī, 2001).

Pola pemikiran ini dapat dikesan dengan jelas dalam *The Goal of the Wise*. Kitab tersebut menggambarkan wahyu sebagai makna batin yang bersifat rohani dan simbolik, manakala lafaz zahir al-Qur'an dilihat sebagai lapisan luar yang terdedah kepada kesilapan dan kekeliruan. Dalam beberapa bahagian kitab tersebut, wahyu para nabi digambarkan sebagai bercampur dengan "godaan syaitan", sekali gus menafikan kemaksuman wahyu dan menjatuhkan autoriti kenabian sebagai penyampai kebenaran yang terjamin<sup>18</sup>.

Dalam konteks ini, nabi bukan lagi penerima wahyu yang muktamad, tetapi sekadar "wadah ilham" yang menerima pancaran makna secara tidak mutlak<sup>19</sup>. Lebih jauh lagi, *The Goal of the Wise* memperkenalkan satu hierarki kosmik yang secara langsung merendahkan kedudukan kenabian. Darjat manusia digambarkan bermula daripada mukmin, kemudian nabi, rasul, imam, dan akhirnya mencapai darjat "Tuhan" yang bertanggungjawab terhadap urusan penciptaan, termasuk mengutus para rasul<sup>20</sup>.

Struktur ini menunjukkan bahawa kenabian hanyalah satu tahap pertengahan dalam evolusi rohani, bukan puncak autoriti wahyu. Dalam kerangka ini, Nabi Muhammad tidak lagi berfungsi sebagai penutup kenabian dengan wahyu yang sempurna, sebaliknya sebagai fasa sementara yang perlu "disempurnakan" oleh imam atau tokoh selepasnya.

Penurunan martabat kenabian ini diperkukuh lagi melalui pentakwilan terhadap malaikat Jibril. Dalam *The Goal of the Wise*, Jibril yang bertemu dengan Rasulullah ditakwilkan sebagai Isa, yang kemudiannya digambarkan Jibril boleh berubah-ubah bentuk dan identity. Hal ini sekali gus menafikan kewujudan malaikat sebagai entiti wahyu yang khusus dan tetap<sup>21</sup>.

Dengan itu, proses wahyu tidak lagi berasaskan pertemuan antara nabi dan malaikat, tetapi pada pengalaman rohani dalaman yang terbuka kepada pelbagai tafsiran imam. Seiring dengan itu, Ahmad al-Hassan digambarkan sebagai tokoh yang

<sup>17</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 314

<sup>18</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 427 -429

<sup>19</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 126

<sup>20</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 114

<sup>21</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 266 - 280

menyempurnakan wahyu dan syariat pada zaman ini, menggantikan fungsi kenabian sebagai sumber autoriti terakhir<sup>22</sup>.

Selain itu, *The Goal of the Wise* turut memperluaskan konsep kenabian secara sinkretik dengan mengiktiraf tokoh-tokoh bukan Islam sebagai nabi dan pembawa syariat, termasuk Aristotle, Buddha dan Manichaeans<sup>23</sup>. Pendekatan ini mengaburkan batas kenabian dalam Islam dan menjadikan wahyunya sebagai fenomena universal yang relatif, dan bukanlah risalah khusus yang ditutup dengan kenabian Muhammad.

Keseluruhan struktur ini sepadan dengan kritikan al-Ghazālī terhadap Bāṭiniyyah, yang mana menurut beliau, menjadikan kenabian adalah sekadar simbol awal kepada autoriti batin imam, sehingga wahyu kehilangan sifat muktamad dan objektifnya.

### IMĀMAH (KEPIMPINAN MA'ŠŪM DAN MONOPOLI TAKWĪL)

Dalam *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah*, al-Ghazālī menjelaskan bahawa antara asas terpenting ajaran Bāṭiniyyah ialah kepercayaan bahawa setiap zaman mesti mempunyai seorang imam yang hidup, dan imamlah satu-satunya pihak yang berhak mentakwilkan nas-nas zahir yang kononnya belum sempurna. Keupayaan mentakwil ini tidak diperoleh melalui pembelajaran atau ijtihad, tetapi diwarisi secara turun-temurun melalui keturunan tertentu dan tidak akan terputus sampai bila-bila.

Dalam kerangka ini, wahyu, al-Qur'an dan Sunnah tidak mempunyai makna muktamad tanpa bimbingan imam, sekali gus menjadikan autoriti agama bersifat eksklusif dan tertutup. Elemen seperti ini muncul dengan sangat ketara dalam *The Goal of the Wise*, yang mana ia mempamerkan penggunaan takwil batin secara meluas terhadap hampir keseluruhan teks wahyu.

Kitab ini mentakwilkan pelbagai kisah al-Qur'an dan Bible secara radikal, antaranya pohon yang dimakan Nabi Adam ditakwilkan sebagai Fatimah al-Zahra, iaitu Nabi Adam telah cuba memperkosa Fatimah al-Zahra di dalam syurga<sup>24</sup>, "tangan Allah" yang menciptakan Nabi Adam ditakwilkan sebagai 'Alī<sup>25</sup>, dan "semua nama" yang diajarkan kepada Nabi Adam ditafsirkan sebagai maklumat inkarnasi malaikat<sup>26</sup>.

Kisah-kisah lain seperti peristiwa Nabi Nuh, Ibrahim, Lūṭ dan Mūsā turut ditakwilkan dengan makna-makna yang menyimpang jauh daripada tafsiran arus perdana, termasuk penafian sebab-sebab moral azab kaum Lūṭ<sup>27</sup> dan pentakwilan pembunuhan lelaki Qibṭi oleh Nabi Mūsā sebagai bukti perseteruan antara keturunan Adam dan Qābil<sup>28</sup>. Kesemua takwil ini berfungsi menunjukkan bahawa makna zahir wahyu dianggap tidak sah tanpa tafsiran imam.

Al-Ghazālī juga menegaskan bahawa Bāṭiniyyah mengangkat imam sebagai makšūm, setara dengan nabi dari sudut keupayaan mengetahui rahsia ketuhanan, walaupun mereka mendakwa imam tidak menerima wahyu secara formal. Ciri ini sepadan dengan *The Goal of the Wise*, yang menyatakan bahawa "khalifah Tuhan" tidak tertakluk kepada hukuman syariat<sup>29</sup>, serta mendakwa bahawa hanya Rasulullah, Fatimah dan Dua Belas Imam sahaja merupakan makhluk yang diinkarnasikan ke bumi dalam keadaan makšūm, manakala nabi-nabi lain tidak makšūm dan memiliki catatan dosa<sup>30</sup>.

Dengan itu, kemaksuman tidak lagi menjadi ciri kenabian, tetapi dipindahkan kepada garis imamah, sekali gus meletakkan imam pada kedudukan yang lebih tinggi daripada nabi. Selain itu, al-Ghazālī mencatat bahawa Bāṭiniyyah membina struktur hierarki rohani yang kompleks, melibatkan imam, hujjah dan pembantu-pembantu mereka.

<sup>22</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 126, 619

<sup>23</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 148 - 150

<sup>24</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 4

<sup>25</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 7

<sup>26</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 7

<sup>27</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 47

<sup>28</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 64 - 65

<sup>29</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 75

<sup>30</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 115

Walaupun istilah teknikal ini tidak selalu digunakan secara sama dalam AROPL, struktur maknanya tetap hadir. *The Goal of the Wise* menggambarkan bahawa roh ilahi ditiupkan ke dalam sulbi Nabi Adam dan terus berpindah dalam sulbi para khalifah dan hujjah melalui air mani<sup>31</sup>. Ia juga membina hierarki terpilih daripada jutaan manusia kepada 124,000 nabi, kemudian 313 rasul, lima Ulū al-'Azm, dan akhirnya satu tokoh yang "menjadi satu dengan Tuhan Mutlak"<sup>32</sup>.

Naratif ini mencapai kemuncaknya apabila dinyatakan bahawa setelah Rasulullah dilantik menjadi Tuhan, baginda mengutus Dua Belas Imam dan Dua Belas Mahdi sebagai wakil-wakilnya<sup>33</sup>, suatu dakwaan yang memindahkan sepenuhnya struktur kerasulan kepada institusi imamah.

Dalam aspek kesinambungan syariat, al-Ghazālī menyatakan bahawa Bāṭiniyyah mempercayai setiap syariat mempunyai tempoh tertentu dan akan dimansuhkan apabila tiba masanya. *The Goal of the Wise* memaparkan pola yang sama dengan mendakwa bahawa semua nabi antara Nabi Adam dan Nuh mengamalkan syariat Nabi Adam<sup>34</sup>, dan bahawa Zoroaster membawa syariat Nabi Nuh<sup>35</sup>.

Ini menunjukkan bahawa syariat tidak bersifat muktamad, tetapi tertakluk kepada kitaran kosmik yang hanya difahami dan ditentukan oleh imam. Dalam kerangka ini, imam bukan sekadar pentafsir, tetapi penentu sah atau batalnya seluruh sistem agama. Keseluruhan gambaran ini menunjukkan bahawa konsep Imāmah dalam *The Goal of the Wise* berfungsi sebagai pusat mutlak autoriti agama, di mana wahyu, akal, sejarah dan syariat semuanya tunduk kepada tafsiran imam.

Struktur ini sepadan secara langsung dengan kritikan al-Ghazālī terhadap Bāṭiniyyah, yang menurut beliau menjadikan imam sebagai "agama itu sendiri", sementara wahyu dan syariat sekadar bahan mentah untuk ditakwil. Dengan itu, perbahasan Imāmah memperlihatkan bagaimana penyimpangan dalam Ilāhiyyāt dan Nubuwwāt akhirnya memuncak dalam monopoli kebenaran oleh institusi imam yang tidak boleh dipersoalkan.

### MA'ĀD (HARI KEBANGKITAN DAN AKHIRAT)

Dalam *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah*, al-Ghazālī menjelaskan bahawa antara penyimpangan paling mendasar ajaran Bāṭiniyyah ialah pentakwilan konsep ma'ād sehingga menafikan makna kebangkitan jasmani, syurga dan neraka sebagaimana yang ditegaskan oleh para nabi. Menurut beliau, golongan ini tidak memahami kebangkitan sebagai peristiwa kosmik dan eskatologis yang sebenar, tetapi mentakwilkannya sebagai perubahan keadaan, pertukaran zaman, atau perpindahan makna batin.

Al-Ghazālī menegaskan bahawa pentakwilan sebegini akhirnya membawa kepada pembatalan keimanan terhadap hari akhir dan menjadikan ajaran agama terputus daripada janji pembalasan ilahi. Pola yang sama muncul dengan jelas dalam *The Goal of the Wise*. Kitab ini secara eksplisit menafikan berlakunya kiamat sebagai kehancuran kosmik dunia, dan mendakwa bahawa sistem kehidupan akan terus berlangsung tanpa penghujung<sup>36</sup>.

Kiamat tidak difahami sebagai peristiwa kehancuran alam dan kebangkitan semula jasad, sebaliknya ditakwilkan sebagai kemunculan Imam dan bangkitnya Qā'im Zaman yang membawa pembatalan syariat sebelumnya. Dengan itu, makna kiamat direduksi kepada tamatnya satu kitaran syariat dan bermulanya kitaran baharu, bukan peristiwa eskatologi sebagaimana yang dibawa oleh al-Qur'an dan sunnah.

Seiring dengan itu, *The Goal of the Wise* menafikan kebangkitan jasmani dan kewujudan syurga serta neraka dalam makna hakiki. Neraka ditakwilkan sebagai matahari, tempat roh-roh manusia diseksa dan terperangkap<sup>37</sup>, manakala diperkenalkan pula konsep

<sup>31</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 95

<sup>32</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 112

<sup>33</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 114

<sup>34</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 24

<sup>35</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 32

<sup>36</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 178

<sup>37</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 308

seksaan lain yang lebih dahsyat daripada neraka, iaitu al-ḥawl al-‘azīm, yang dikatakan diciptakan khusus bagi mereka yang menentang Abdullah Hashem<sup>38</sup>. Syurga pula tidak difahami sebagai alam balasan akhir, tetapi dikaitkan dengan lokasi fizikal tertentu seperti taman Eden yang didakwa berada di Iraq<sup>39</sup>, sekali gus meruntuhkan makna keabadian akhirat.

Sebaliknya, konsep ma‘ād dalam *The Goal of the Wise* dibina di atas doktrin reinkarnasi dan transmigrasi roh. Kitab ini mendakwa bahawa roh boleh berpindah dari satu jasad ke jasad lain tanpa had, termasuk dalam bentuk kelahiran semula sebagai manusia lain, haiwan (maskh), tumbuhan (faskh), atau bahkan benda tidak bernyawa (raskh)<sup>40</sup>.

Roh-roh keluarga Rasulullah didakwa telah dihantar secara rawak ke dalam tubuh manusia bagi mengelakkan pengesanan oleh keturunan Qābil<sup>41</sup>, dan roh-roh tertentu, termasuk roh Imam al-Ḥusayn, digandakan sehingga Ahmad al-Hassan dan Abdullah Hashem sendiri didakwa sebagai reinkarnasi atau gandaan roh tersebut<sup>42</sup>. Abdullah Hashem juga mendakwa mampu mengingati pengalaman lampau rohnya, termasuk ketika ia menjelma dalam kalangan pengikut Nabi ‘Īsā dan kemudiannya disalib<sup>43</sup>.

Oleh itu, ajaran AROPL mempercayai bahawa kebangkitan adalah “kembalinya sesuatu kepada asalnya”. Jasad akan kembali kepada unsur alam, manakala roh yang telah disucikan melalui ibadah, pengekangan nafsu dan makrifat yang diperoleh daripada imam akan bersatu kembali dengan alam rohani asalnya. Inilah yang ditakwilkan sebagai syurga.

Sebaliknya, roh yang gagal disucikan akan terus terperangkap dalam alam jasmani dan berpindah-pindah dari satu jasad ke jasad lain, dan keadaan inilah yang ditakwilkan sebagai neraka. Bahkan roh-roh para nabi dan orang soleh didakwa akan kembali untuk membantu Qā‘im, termasuk Ashab al-Kahfi, Yūsha‘ bin Nūn, Salman al-Fārisi dan lain-lain<sup>44</sup>.

Keseluruhan struktur ini elemen kepercayaan ini memperlihatkan kesepadanan yang jelas dengan kritikan al-Ghazālī terhadap Bāṭiniyyah dalam aspek ma‘ād. Kiamat direduksi kepada peristiwa sejarah, kebangkitan jasmani dinafikan, dan syurga serta neraka ditakwilkan sebagai keadaan rohani atau kitaran jasmani semata-mata.

Dengan itu, konsep hari akhir tidak lagi berfungsi sebagai asas keimanan dan pertanggungjawaban moral, tetapi diserap ke dalam sistem kosmologi batin yang berpusat kepada imam dan Qā‘im. Inilah bentuk pentakwilan ekstrem yang menurut al-Ghazālī akhirnya membatalkan agama dari sudut makna dan tujuan, walaupun lafaz keimanan masih dikekalkan secara zahir.

### **TAKLĪF SYAR’Ī (PENGUGURAN DAN PENTAKWILAN EKSTREM SYARIAT)**

Dalam *Faḍā’ih al-Bāṭiniyyah*, al-Ghazālī menegaskan bahawa natijah terakhir ajaran Bāṭiniyyah ialah penguguran kewajipan syariat zahir. Setelah konsep Ilāhiyyāt diselewengkan, kenabian diturunkan martabatnya, autoriti dimonopoli oleh imam, dan makna hari akhir ditakwilkan secara batin, maka taklif syariat tidak lagi mempunyai sebarang asas.

Sesiapa yang mendakwa telah sampai kepada “hakikat batin” akan menganggap dirinya tidak lagi terikat dengan hukum-hakam agama; inilah yang menurut al-Ghazālī membawa kepada pembatalan agama secara praktikal, walaupun lafaz-lafaz keimanan masih dikekalkan (Al-Ghazālī, 2001).

Pola penyelewengan ini terserlah dengan jelas dalam *The Goal of the Wise*. Kitab tersebut secara eksplisit menyatakan bahawa “Syariat Ahmad” telah menghapuskan semua

<sup>38</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 309

<sup>39</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 3, 7

<sup>40</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 182

<sup>41</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 120

<sup>42</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 176, 200

<sup>43</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 211

<sup>44</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 176

syariat terdahulu, kecuali perkara-perkara yang dianggap sesuai dengan konteks semasa<sup>45</sup>. Ahmad al-Hassan digambarkan sebagai pemilik syariat terakhir dan kemuncak kepada semua syariat para nabi<sup>46</sup>, manakala Rasulullah pula didakwa hanya melaksanakan sebahagian kecil daripada matlamat syariat.

Dan kesempurnaan syariat, hanya terlaksana pada masa selepasnya<sup>47</sup>. Dakwaan ini secara langsung menafikan kemuktamadan syariat Islam dan membuka ruang pembatalan hukum secara selektif di bawah autoriti imam. Pengguguran taklif ini disokong oleh naratif yang merombak asas ibadah dan institusi agama. *The Goal of the Wise* menyatakan bahawa ibadah-ibadah Islam pada asalnya bertujuan membersihkan saki-baki syaitan dalam tubuh manusia, dan bahawa kecintaan kepada Ahl al-Bayt berfungsi menukar “keturunan Qābil” kepada “keturunan Adam”<sup>48</sup>.

Pada masa yang sama, masjid-masjid, maqam suci, kalendar Hijri dan pemakaian hijab digambarkan sebagai amalan yang “bersekongkol dengan kesesatan”<sup>49</sup>. Bahkan dinyatakan bahawa al-Qā'im akan menghancurkan semua masjid, termasuk Masjid al-Haram, Ka'bah, Masjid Nabawi dan maqam Rasulullah<sup>50</sup>. Ini menunjukkan bahawa syiar-syiar utama Islam tidak lagi dianggap suci atau kekal.

Pentakwilan ekstrem turut dilakukan terhadap ibadah khusus. Solat ditafsirkan sebagai sujud fizikal dan hati serta doa kepada nabi dan imam pada setiap zaman<sup>51</sup>, dan solat lima waktu ditakwilkan sebagai sujud kepada imam-imam Mahdi secara berturutan dalam 5 waktu solat<sup>52</sup>. Penentuan waktu ibadah juga dirombak apabila bulan Ramadan dan musim haji didakwa berasaskan kalendar suria, bukan lunar, sehingga lebih seribu tahun umat Islam dikatakan berpuasa dan berhaji pada waktu yang salah<sup>53</sup>.

Puasa turut ditetapkan dengan peraturan baharu seperti berbuka hanya dengan roti dan satu lauk<sup>54</sup>. Kesemua pentakwilan ini menunjukkan bahawa syariat tidak lagi difahami sebagai ketetapan Ilahi yang mengikat, tetapi sebagai simbol yang boleh diubah mengikut tafsiran imam.

Akhirnya, *The Goal of the Wise* memperluaskan pengguguran taklif dengan membenarkan perkara-perkara yang secara konsensusnya diharamkan dalam Islam. Qisās digambarkan sebagai amalan kuno yang bukan ajaran Islam<sup>55</sup>, hijab dianggap sekadar sunnah 'Abd al-Muṭṭalib<sup>56</sup>, dan minuman keras serta bahan memabukkan lain ditakwilkan sebagai “hamba cahaya” yang boleh membantu mencapai pemahaman rohani jika digunakan secara terkawal<sup>57</sup>.

Bahkan pembelajaran sihir dianggap tidak haram selagi tidak digunakan untuk memudaratkan orang lain, dan ia dinisbahkan kepada perbuatan para nabi terdahulu<sup>58</sup>. Kesemua ini memperlihatkan bahawa prinsip halal dan haram tidak lagi berfungsi sebagai batas moral yang tetap. Keseluruhan gambaran ini menepati kritikan al-Ghazālī bahawa Bāṭiniyyah akhirnya menatijahkan ibāḥiyyah ammah, iaitu keadaan di mana segala perkara dibolehkan dan larangan syariat gugur.

Dalam *The Goal of the Wise*, pengguguran taklif syar'ī bukan berlaku secara tersirat, tetapi dinyatakan secara terang melalui pembatalan syariat terdahulu, pentakwilan ibadah,

<sup>45</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 139

<sup>46</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 124

<sup>47</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 120

<sup>48</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 119

<sup>49</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 139

<sup>50</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 140

<sup>51</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 145

<sup>52</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 146

<sup>53</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 142

<sup>54</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 145

<sup>55</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 148

<sup>56</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 145

<sup>57</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 146 - 147

<sup>58</sup> Matlamat Sang Bijaksana - Terjemahan rasmi *The Goal of Wise* m/s 272

perombakan syiar, dan penghalalan perkara yang diharamkan. Dengan itu, Taklif Syar'ī menjadi bukti penutup bahawa penyimpangan dalam Ilāhiyyāt, Nubuwwāt, Imāmah dan Ma'ād akhirnya bermuara pada pembatalan agama dari sudut amali, sebagaimana yang telah dirumuskan oleh al-Ghazālī dalam kritiknya terhadap Bāṭiniyyah.

### **ANALISIS PERBEZAAN ANTARA AJARAN ABDULLAH HASHEM DAN AJARAN BĀṬINIYYAH YANG DIKRITIK AL-GHAZĀLĪ**

Bahagian ini membincangkan perbezaan antara ajaran Abdullah Hashem dalam AROPL dengan ajaran Bāṭiniyyah yang dikritik oleh al-Ghazālī dalam *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah*. Walaupun pada bahagian sebelumnya telah pun menunjukkan kesepadanan yang ketara dari sudut struktur asas dan perincian akidah, analisis perbandingan yang adil menuntut agar perbezaan juga diperincikan.

Perbezaan ini penting untuk mengelakkan penyederhanaan berlebihan dan untuk menunjukkan bahawa kesinambungan ajaran tidak semestinya bermaksud pengulangan sejarah secara literal, tetapi sering berlaku melalui penyesuaian terhadap konteks zaman.

#### **Perbezaan Konteks Sejarah Dan Politik**

Bāṭiniyyah yang dikritik oleh al-Ghazālī muncul dalam konteks politik abad kelima Hijrah, di mana konflik antara Khilafah 'Abbasiyyah dan gerakan Ismailiyyah Fāṭimiyyah melibatkan perebutan kuasa, wilayah dan legitimasi politik. Gerakan Bāṭiniyyah ketika itu memiliki struktur kenegaraan, jaringan dakwah rahsia dan sejarah keterlibatan dalam keganasan politik. Oleh sebab itu, al-Ghazālī menulis *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah* bukan sahaja sebagai bantahan teologi, tetapi juga sebagai pembelaan terhadap kestabilan politik dan sosial umat Islam.

Sebaliknya, AROPL muncul dalam konteks dunia moden yang berasaskan negara bangsa, undang-undang antarabangsa dan wacana hak asasi manusia. Abdullah Hashem tidak memimpin sebuah gerakan bersenjata atau negara, sebaliknya mengetuai komuniti keagamaan transnasional yang bergantung kepada media digital, penerbitan dan naratif persekusi untuk membentuk identiti kolektif. Perbezaan konteks ini menjelaskan mengapa AROPL menzahirkan ajaran Bāṭiniyyah dalam bentuk keagamaan dan spiritual, bukan dalam bentuk projek politik bersenjata seperti dalam sejarah klasik.

#### **Perbezaan Bentuk Organisasi Dan Mekanisme Penyebaran**

Bāṭiniyyah klasik mempunyai struktur organisasi yang sangat tersusun dan berperingkat, dengan hierarki seperti imam, ḥujjah, dā'ī dan ma'dhūn, serta sistem inisiasi yang ketat. Struktur ini berkait rapat dengan latar Syiah Ismailiyyah, iaitu aliran yang menjadi sasaran utama kritikan al-Ghazālī, dan yang membangunkan jaringan dakwah rahsia serta sistem pengajaran berperingkat bagi menyampaikan ajaran batin secara tertutup.

Al-Ghazālī mengkritik struktur sedemikian kerana ia membuka ruang manipulasi akidah secara berperingkat dan tersembunyi, di mana ajaran sebenar hanya didedahkan kepada kelompok terpilih setelah melalui proses kesetiaan dan ketaatan mutlak. Sebaliknya, AROPL muncul dalam kerangka Syiah Ithnā 'Ashariyyah, iaitu aliran yang berbeza dari sudut sejarah dan struktur dalaman berbanding Ismailiyyah.

Walaupun AROPL tetap mengekalkan hierarki rohani seperti Mahdi, Qā'im dan Mahdi-Mahdi, struktur organisasinya lebih longgar dan terbuka, tanpa sistem dakwah rahsia yang kompleks seperti dalam Ismailiyyah klasik. Penyebaran ajaran dilakukan secara langsung melalui buku *The Goal of the Wise*, video dalam talian, media sosial dan laman web, tanpa proses inisiasi tertutup yang ketat.

Perbezaan ini menunjukkan bahawa AROPL telah menyesuaikan strategi penyebaran ajaran Bāṭiniyyah dengan realiti komunikasi moden. Namun demikian, perbezaan aliran Syiah dan mekanisme organisasi ini tidak mengubah hakikat bahawa struktur autoriti dalaman AROPL tetap berpusat kepada tokoh tertentu dan bersifat mutlak, selari dengan pola ajaran Bāṭiniyyah yang dikritik oleh al-Ghazālī, walaupun muncul dalam kemasan mazhab dan konteks yang berbeza.

### **Perbezaan Bahasa, Simbol Dan Wacana Keagamaan**

Al-Ghazālī berhadapan dengan Bāṭiniyyah yang menggunakan bahasa falsafah Yunani, istilah Neoplatonisme dan kosmologi emanasi untuk menarik golongan intelektual pada zamannya. Kritikan beliau banyak tertumpu kepada penyalahgunaan istilah falsafah dan manipulasi konsep rasional untuk membenarkan ajaran batin.

Sebaliknya, Abdullah Hashem menggunakan bahasa dan simbol yang lebih dekat dengan imaginasi masyarakat moden, seperti teori konspirasi global, ufologi, alien, dimensi selari, reinkarnasi dan naratif New Age. Walaupun bentuk ekspresi ini berbeza, fungsi simboliknya tetap sama, iaitu membina kesan bahawa hanya pemimpin tertentu memiliki akses kepada “kebenaran tersembunyi” yang tidak dapat dicapai oleh akal biasa. Dengan itu, perbezaan ini lebih bersifat retorik dan kultural, bukan perbezaan pada inti epistemologi.

### **Perbezaan Hubungan Dengan Tradisi Keilmuan Islam**

Bāṭiniyyah klasik masih bergerak dalam kerangka dalaman Islam, menggunakan al-Qur’an, hadis dan tradisi Syiah sebagai sumber utama, walaupun ditakwilkan secara batin. Al-Ghazālī mengkritik mereka kerana memesongkan sumber yang sama, bukan kerana menolaknya secara total.

Dalam AROPL, walaupun al-Qur’an dan kitab Syiah masih dirujuk, Abdullah Hashem secara lebih terbuka menolak keseluruhan tradisi keilmuan Islam, termasuk fiqh, usul fiqh, tafsir dan hadis. Selain itu, teks-teks luar Islam seperti Gnostik, Hindu-Buddha dan mitologi kuno diberikan kedudukan yang setara atau lebih tinggi berbanding teks-teks Islam. Hal ini menjadikan AROPL lebih terputus daripada tradisi Islam berbanding Bāṭiniyyah klasik, walaupun struktur Bāṭiniyyah dasarnya tetap serupa.

### **Perbezaan Tahap Keterbukaan Ajaran**

Al-Ghazālī mencatat bahawa Bāṭiniyyah sering menyembunyikan ajaran sebenar mereka melalui taqīyyah. Ia hanya mendedahkan perincian batin setelah seseorang melalui proses penerimaan dan kesetiaan yang berperingkat. Dalam Bab Ketiga *Faḍā’ih al-Bāṭiniyyah*, al-Ghazālī menghuraikan secara terperinci sembilan peringkat helah (ḥiyal) yang digunakan oleh Bāṭiniyyah dalam dakwah mereka, bermula dengan analisis psikologi sasaran, menenangkan dan menimbulkan keraguan, sehinggalah kepada pengikatan kesetiaan dan penanggalan sepenuhnya pegangan agama zahir.

Kesemua peringkat ini, menurut al-Ghazālī, dilaksanakan secara tertutup dan berperingkat, bertujuan memindahkan individu daripada kerangka agama zahir kepada penerimaan autoriti batin mutlak tanpa disedari. Kerahsiaan ini merupakan unsur teras strategi dakwah Bāṭiniyyah klasik.

Sebaliknya, *The Goal of the Wise* memaparkan ajaran batin secara terbuka dan tanpa penapisan, termasuk dakwaan yang sangat ekstrem berkaitan ketuhanan, kenabian, kosmologi dan seksualiti. Keterbukaan ini bukan menandakan perbezaan prinsip dengan Bāṭiniyyah klasik, tetapi mencerminkan perubahan strategi dakwah yang disesuaikan dengan budaya moden yang lebih terbuka terhadap pendedahan sensasi dan kontroversi.

Dalam konteks ini, apa yang dahulunya disampaikan secara berperingkat dan rahsia, kini ia dizahirkan secara langsung melalui teks, media digital dan wacana awam. Dengan itu, perbezaan ini tidak menafikan kesinambungan ajaran Bāṭiniyyah, sebaliknya menunjukkan evolusi bentuk penyampaian tanpa perubahan pada struktur dalaman autoriti dan pentakwilan yang menjadi teras ajaran tersebut.

### **Penilaian Keseluruhan Perbezaan**

Secara keseluruhan, perbezaan antara ajaran Abdullah Hashem dan Bāṭiniyyah yang dikritik oleh al-Ghazālī terletak pada bentuk luaran, bahasa, konteks sejarah dan mekanisme penyebaran, bukan pada struktur dalaman ajaran. AROPL tidak mengulangi Bāṭiniyyah secara literal, tetapi menzhahirkan corak pemikiran yang sama dalam kemasan moden.

Perbezaan ini menguatkan kesimpulan bahawa kritikan al-Ghazālī bersifat lintas-zaman, dan boleh diaplikasikan sebagai kerangka analisis terhadap fenomena keagamaan kontemporari yang menzahirkan autoriti batin mutlak dan pentakwilan ekstrem.

## KESIMPULAN

Melalui analisis sejarah, tekstual dan teologi, kajian ini menunjukkan bahawa Bāṭiniyyah bukan sekadar fenomena sejarah yang terhad pada zaman tertentu, tetapi satu pola pemikiran keagamaan yang mampu muncul semula dalam bentuk dan kemasan berbeza mengikut konteks zaman.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ajaran AROPL, walaupun muncul dalam konteks moden yang dipengaruhi globalisasi, media digital dan spiritualiti kontemporari, namun ia mengandungi struktur dalaman yang selari dengan pola Bāṭiniyyah klasik. Kesepadanan ini dapat dikenal pasti sama ada pada peringkat ciri-ciri ringkas, seperti ketaatan mutlak kepada imam makṣūm, pengkhususan autoriti ilmu, dan sifat sinkretik, mahupun pada peringkat tafṣīliyyah yang melibatkan aspek Ilāhiyyāt, Nubuwwāt, Imāmah, Ma'ād dan implikasinya terhadap Taklīf Syar'ī.

Pada masa yang sama, kajian ini menegaskan bahawa perbezaan antara AROPL dan Bāṭiniyyah klasik wujud dari segi konteks sejarah, bahasa wacana dan mekanisme penyebaran ajaran. Namun, perbezaan tersebut bersifat luaran dan kontekstual, sedangkan struktur teras ajaran iaitu autoriti batin mutlak, pentakwilan ekstrem dan peminggiran syariat zahir kekal konsisten. Hal ini mengukuhkan hujah bahawa ajaran Batiniyyah mampu berevolusi tanpa mengubah intinya.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan relevansi berterusan kritikan al-Ghazālī sebagai kerangka analisis terhadap fenomena keagamaan kontemporari. Ia menyumbang kepada wacana akademik dengan menyediakan pendekatan yang lebih berdisiplin dalam menilai gerakan agama baharu, agar penilaian tidak terhenti pada retorik zahir, tetapi mengambil kira struktur epistemologi dan implikasi teologi yang lebih mendalam.

## RUJUKAN

- Abdullah Hashem. (2022). *The Goal of the Wise: The gospel of the riser of the family of Mohammed*. n.p.: The Ahmadi Religion of Peace and Light.
- Al-Ghazālī. (2001). *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah*. Beirut: Maktabat al-'Aṣriyyah.
- Az-Zoghbi, F. M. (2018). *Dawr Al-Imām Al-Ghazālī Fī Muwājahat Al-Ta'wīl Al-Bāṭinī: Dirāsah Taḥlīliyyah Naqdiyyah*. Ḥawliyyat Kullīyyat Uṣūl al-Dīn wa al-Da'wah al-Islāmiyyah bi-Ṭantā, 10, 753–796.
- Hasib, K. (2016). *Aliran Batiniyyah: Dulu Dan Sekarang*. Kalimah: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam, 14(1), 81–96.
- Introvigne, M. (2025, May 22). *Castellion V. Calvin: Freedom vs. Theocracy From Geneva To Iran And The Case Of The Ahmadi Religion Of Peace And Light*. Bitter Winter. <https://bitterwinter.org/castellion-v-calvin-freedom-vs-theocracy-from-geneva-to-iran-and-the-case-of-the-ahmadi-religion-of-peace-and-light/> (diakses pada 04 Disember 2025)
- Introvigne, M., & Kotkowska, K. M. (2024). *The Ahmadi Religion Of Peace And Light: An Introduction*. The Journal of CESNUR, 8(3), 33–51.
- Introvigne, M., & Šorytè, R. (2024). *A Drama And Its Characters: The Ahmadi Religion Of Peace And Light*. Bitter Winter. <https://bitterwinter.org/the-ahmadi-religion-of-peace-and-light-1-a-drama-and-its-characters/> (diakses pada 06 Disember 2025)
- Megharbi, Z. E. (2019). *Al-Muthaqqaf Wa Al-Sulṭah Min Khilāl Naṣṣ "Al-Faḍā'ih Al-Bāṭiniyyah" Li Al-Ghazālī*. Majallat al-'Ulūm al-Insāniyyah wa al-Ijtīmā'īyyah, 51, 1–10.
- Šorytè, R. (2025). *AROPL And The Rise Of New Age Anti-Cultism*. The Journal of CESNUR, 9(5), 4–20.
- World Religions and Spirituality Project. (2024). *Ahmadi Religion of Peace and Light*. <https://wrldrels.org/2024/06/23/ahmadi-religion-of-peace-and-light/> (diakses pada 06 Disember 2025)

- Yakin, S. (2018). *Kritik Al-Ghazali Terhadap Aliran Bāṭiniyyah Terkait Konflik Politik Sunni Dan Syiah Di Panggung Sejarah*. *Refleksi: Jurnal Kajian Agama dan Filsafat*, 16(1), 105–130.
- Yusri, M. R. (2025). *Abdullah Hashem Dan The Ahmadi Religion Of Peace And Light: Analisis Teologi*. *International Journal of Islamic Thought*, 27(1), 180–192.
- Zainal, A., & Hasan, M. K. (2022). *Al-Ghazālī's Approach In Defending The Islamic Faith*. *ISLĀMIYYĀT*, 44(Isu Khas), 3–8.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*